



MAJLIS VETERINAR MALAYSIA
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8870 6051
Email : secretary@mvc.gov.my
Laman Web : www.mvc.gov.my

Ruj. Kami : DVS.MVM/P/JLD. VII ()
Tarikh : 03 Disember 2021

SEMUA DOKTOR VETERINAR BERDAFTAR

Tuan/ Puan,

PEMBAHARUAN PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (ANNUAL PRACTISING CERTIFICATE – APC) DOKTOR VETERINAR TAHUN 2022

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, semua Doktor Veterinar berdaftar di Malaysia yang menjalankan pengamalan veterinar bagi tahun berikutnya adalah dikehendaki untuk memperbaharui Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) sebelum 1hb Disember pada tahun itu (seperti tertakluk di bawah Seksyen 17 (1) Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147]). Untuk makluman juga, pembaharuan Perakuan Pengamalan Tahunan bagi tahun 2022 boleh diakses secara dalam talian melalui pautan: <https://bit.ly/3jyz75J> dengan mengemukakan **Borang D (Permohonan bagi Perakuan Pengamalan Tahunan) yang bertandatangan dan bukti pembayaran fi.** Pembayaran fi RM25.00 boleh dibuat secara dalam talian ke akaun Majlis Veterinar Malaysia (CIMB) No.: 8600302922. Pembaharuan **selepas 1 Disember 2021** akan dikenakan **bayaran tambahan sebanyak RM25.00.**

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama Tuan/Puan untuk memperbaharui **Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) bagi tahun 2022 sebelum 31hb Disember 2021** bagi tujuan pewartaan dan kegagalan untuk membuat sedemikian adalah melanggar Seksyen 17, Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147] yang mewajibkan semua doktor veterinar berdaftar untuk memohon sijil tersebut. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh diajukan melalui email: mvc@dvs.gov.my atau di talian: 03-8870 2234. Perhatian dan kerjasama Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DR. AKMA BINTI NGAH HAMID)
Pendaftar
Majlis Veterinar Malaysia